

SIARAN AKHBAR
9 OKTOBER 2020

EKUINAS LUPUSKAN SELURUH KEPENTINGANNYA DALAM COOLBLOG, PENYEDIA PENCUCI MULUT DAN MINUMAN TEMPATAN

Sorotan Penting:-

- Ekuinas mengumumkan pelupusan keseluruhan kepentingan ekuitinya sebanyak 60.0% dalam peneraju penyedia pencuci mulut dan minuman tempatan, Coolblog Apps Sdn Bhd (Coolblog) kepada Archipelago Capital Partners (Archipelago), berdasarkan nilai ekuiti berjumlah RM75.0 juta.
- Pelupusan Coolblog telah menjana Kadar Pulangan Dalaman (IRR) 6.4% yang bersamaan 1.4 kali modal dilaburkan.
- Selama beberapa tahun, Ekuinas telah bekerjasama dengan Coolblog dalam membantu usahawan Malaysia dan Bumiputera menjadi pemilik perniagaan dan mencipta pendapatan yang mampan melalui model francais Coolblog.
- Saiz dan kemampuan konsep kios bawa pulang beserta model francaisnya telah membolehkan Coolblog untuk meningkatkan tahap kehadiran perniagaan dan capaian mereka ke bandar yang berlainan dan pekan kecil di Malaysia.
- Coolblog adalah salah satu jenama terkemuka dalam pasaran kios pencuci mulut dan minuman dengan lebih 270 cawangan di Malaysia, menawarkan lebih daripada 25 perisa dan 300 produk berbeza.

KUALA LUMPUR, 9 OKTOBER 2020: Ekuini Nasional Berhad (Ekuinas) mengumumkan pelupusan keseluruhan kepentingan ekuitinya sebanyak 60.0% dalam peneraju penyedia pencuci mulut dan minuman tempatan, Coolblog Apps Sdn Bhd (Coolblog) kepada Archipelago Capital Partners (Archipelago), berdasarkan nilai ekuiti berjumlah RM75.0 juta.

Archipelago ialah firma pelaburan ekuiti persendirian yang melabur dalam pasaran syarikat kecil sehingga peringkat pertengahan yang memberangsangkan di Asia Tenggara, menumpukan kepada barang & perkhidmatan pengguna, perkhidmatan kewangan dan logistik & perindustrian.

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas berkata, "Pelaburan kami dalam Coolblog sudah mencapai kematangan untuk dilupuskan dan kami telah melaksanakan pelan penciptaan nilai buat syarikat tersebut. Ini juga adalah sebahagian daripada strategi pelaburan berhemat untuk menjamin Kadar Pulangan Dalaman (IRR) yang positif, sejajar dengan langkah kami untuk melupuskan aset-aset di bawah Ekuinas Direct (Tranche II) Fund."

Beliau menambah, "Berdasarkan rekod pencapaian cemerlang mereka dalam industri barang pengguna laris (FMCG), pengalaman dalam ruang niaga Perniagaan-ke-Pengguna (B2C) dan juga kepakaran dalaman dalam sektor makanan dan minuman (F&B), Archipelago telah dipilih sebagai rakan pelaburan yang tepat untuk memajukan dan mempercepatkan prestasi Coolblog. Kami berbesar hati untuk Archipelago mengambil alih pengendalian pertumbuhan Coolblog di Malaysia dan seluruh rantau ini."

Pelupusan ini telah menjana Kadar Pulangan Dalaman (IRR) 6.4% yang bersamaan 1.4 kali modal dilaburkan. Sepanjang tempoh pelaburan, Ekuinas telah berjaya menyempurnakan pelan penciptaan nilai mereka untuk syarikat ini. Fokus utama di dalam pelan tersebut merangkumi memperkemaskan proses operasi dan sistem, pengembangan outlet korporat dan penembusan ke segmen pasaran massa baharu, serta peningkatan dalam penawaran produk dan strategi pemasarannya. Terutamanya, transaksi ini telah dilaksanakan dan disempurnakan ketika perintah berkurung kebangsaan yang menunjukkan ketahanan dan daya maju perniagaan Coolblog.

Disasarkan pada pasaran massa Malaysia, Coolblog adalah salah satu jenama terkemuka dalam pasaran kios pencuci mulut dan minuman dengan lebih 270 cawangan di Malaysia, menawarkan lebih 25 perisa dan 300 produk berbeza. Ekuinas memulakan pelaburan di Coolblog pada tahun 2014 dan perniagaan ini telah menunjukkan trakjetori pertumbuhan yang sihat disokong dengan rekod pencapaian yang terbukti. Hasil jualan meningkat daripada RM34.0 juta ke RM46.9 juta dari TK2017 ke TK2019 dengan kadar pertumbuhan tahunan terkumpul (CAGR) sebanyak 17.4%. Ini khususnya didorong oleh pertumbuhan dan prestasi outlet yang lebih kukuh di seluruh negara, diiringi dengan penawaran produk yang inovatif dan berjaya.

Selama beberapa tahun, Ekuinas telah bekerjasama dengan Coolblog dalam membantu usahawan Malaysia dan Bumiputera menjadi pemilik perniagaan dan mencipta pendapatan yang mampan melalui model francais Coolblog. Sehingga pertengahan Jun 2020, Coolblog

mempunyai 195 pemegang francais, 109 daripadanya adalah milik Bumiputera. Saiz dan kemampuan konsep kios bawa pulang beserta model francaisnya telah membolehkan Coolblog untuk meningkatkan tahap kehadiran perniagaan dan capaian mereka ke bandar yang berlainan dan pekan kecil di Malaysia.

Jovasky Pang, Ketua Pengawai Eksekutif Archipelago berkata, "Kami melihat potensi yang besar dalam Coolblog. Ia telah menunjukkan pertumbuhan yang kukuh sebagai perniagaan daripada segi penawaran dan keuntungan. Dengan pertambahan populasi dan peningkatan pada demografik belia di Malaysia, kami melihat lebih banyak peluang untuk memperluaskan perniagaan ini. Archipelago telah mencari titik masuk yang sesuai untuk menguatkan portfolio pengguna dan F&B kami di serantau ini dan peluang untuk melabur di Coolblog hadir tepat pada masanya. Langkah seterusnya, kami akan memanfaatkan rangkaian kami yang luas dan sedia ada di seluruh Asia Tenggara untuk melaksanakan visi dan strategi kami untuk syarikat ini. Kami berharap untuk bekerjasama dengan pihak pengurusan, pemegang francais, pembekal dan pihak berkepentingan yang lain untuk meneruskan kejayaan pertumbuhan Coolblog."

-Tamat-

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009 dan ia berusaha membina syarikat terkemuka Malaysia generasi akan datang, sambil menggalakkan penjanaan kekayaan serta penglibatan Bumiputera secara saksama dan mampan. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor sasaran teras Ekuinas iaitu pendidikan, barang pengguna laris, minyak dan gas, runcit, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan. Pada tahun 2018, Ekuinas telah disenarai pendek sebagai salah satu daripada 3 Firma Asia Tenggara Terbaik Tahun ini oleh *Private Equity International (PEI) Awards* dan telah disenarai pendek sekali lagi untuk anugerah yang sama pada tahun 2019.

Hubungan Media:

Lok Ru Jun
Klareco Communications
T: +6012-325 6949
E: RLok@klarecocomms.com

Foo Zhen Min
Klareco Communications
T: +6012-440 6949
E: ZFoo@klarecocomms.com